

# PM AKAN BERECUTI KE EROPAH

**KUALA LUMPUR, Selasa —** Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan bercuti selama dua minggu mulai Khamis ini.

Perdana Menteri berkata hari ini beliau akan berlepas ke Eropah, Khamis malam untuk bercuti bersama keluarganya.

"Saya juga manusia biasa... Walaupun saya berhak mendapat dua bulan cuti dalam setahun, saya hanya mengambil dua minggu," kata beliau kepada para pemberita selepas melancarkan Persatuan Penanam Getah (Malaysia Berhad) di Hotel Hilton di sini. — Bernama.

---

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia